

# Setinggian perlu pindah segera

Rosmah serah sumbangan kepada mangsa kebakaran Kampung Kerinchi

FOTO | Effendy Rashid

>>Oleh Maiamalina Mohamed Amin

maiamalina@metro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, menasihatkan semua penduduk setinggian Bukit B, Kampung Kerinchi, di sini, supaya berpindah dari penempatan itu yang disifatkan sangat sesak dan membahayakan.

Beliau berkata, struktur rumah yang dibina rapat antara satu sama lain menyebabkan keadaan sekitar kurang selesa dan tidak sesuai, malah mendorong kejadian tidak diingini berlaku termasuk kebakaran mudah merebak.

"Ini pertama kali saya ke sini dan dapati masih ada lagi penempatan yang begini di kawasan Lembah Pantai dengan keadaannya sesak dan tidak sesuai diduduki kerana boleh membahayakan terutama apabila kebakaran berlaku, ia merebak dengan cepat.

"Sebab itu saya mengharapkan semua penduduk di sini berpindah secepat mungkin ke kawasan perumahan yang sudah ditetapkan kerajaan, difahamkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka, Pantai Dalam.

"Selain rumahnya yang lebih selesa, penduduk juga selamat daripada sebarang bahaya seperti banjir," katanya selepas melawat penempatan itu dan menyerahkan sumbangan kepada mangsa kebakaran, semalam.

Berut berantun melawat hampir sejam itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan Da-



**PRIHATIN...Rosmah menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Kerinchi.**

tuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 tengah hari Selasa lalu, empat keluarga yang menetap di kawasan setinggian Bukit B, Kampung Kerinchi, tinggal sehelai spinggang selepas rumah mereka musnah akibat kebakaran.

Hasil siasatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Pantai mendapati api bermula dari rumah kosong tidak berpenghuni di kawasan itu sebelum merebak ke empat rumah bersebelahan dan ia marak dengan cepat berikutan binaan rumah daripada kayu dan papan.

Sementara itu, Raja Nong Chik berkata, fasa pertama pemindahan penduduk setinggian itu ke PPR Seri Cempaka berjalan lancar memabitkan 232 keluarga, manakala baki 123 keluarga lagi masih dalam proses pemindahan.

"Rumah memang mencukupi untuk mereka kerana

PPR Seri Cempaka sudah dua tahun dibuka tetapi belum diduduki sepenuhnya dan saya mengharapkan selepas ini semua penduduk beri kerjasama untuk pindah sekurang-kurangnya hujung bulan ini, sebelum puasa.

"Setakat ini sudah 90 peratus menyatakan persetujuan untuk berpindah, malah tidak kira apa bangsa dan fahaman parti sekali pun kita akan tetap bantu mereka menduduki kediaman yang lebih baik," katanya.

Terdahulu, Rosmah menyampaikan sumbangan sebanyak RM1,000 kepada setiap mangsa kebakaran mewakili Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

Yayasan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula mengagihkan sumbangan RM1,000 dan RM836 berserta surat tawaran memasuki rumah kepada setiap mangsa.